

Teks Ucapan Perasmian Mesyuarat Tahunan Majlis Ke-62 2017
oleh : Orang Kaya Indera Pahlawan Dato' Seri Haji Wan Abdul Wahid Haji Wan Hassan

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t dan Selamat Sejahtera

Alhamdulillah

YBhg tuan pengacara majlis, YBhg Tan Sri Omar Hashim, Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia, YBhg Dato Hj Jumaat Bin Hj Mohd Noor Timbalan Pengerusi, Ahli-Ahli Felo Persatuan Sejarah Malaysia, tokoh-tokoh yang tidak perlu saya sebut satu persatu, Dato Kum Boo, Ahli-Ahli Jawatankuasa, Jeneral, Datuk Abdullah, profesor-profesor, pencinta-pencinta sejarah dan ahli-ahli Persatuan Sejarah Malaysia.

Saya terpanggil kerana tokoh – tokoh yang saya sempat berkhidmat dalam kapasiti masing-masing semasa saya masih berkhidmat. Saya masih ingat Jeneral Abdullah masa itu saya dalam pejabat pembangunan tapi terlibat di dalam langkah balas awam The Sibulance Side Of The Emergency Committee, manakala Jeneral Abdullah pada masa itu bridged komander dan terlibat dengan kombatan melawan komunis sampailah kita selesai dalam tahun 1988 sehinggalah ditandatangani perletakan jawatan komunis oleh Chin Peng dengan arwah Tan Sri Wan Sidek. Pada masa itu Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Tun Haniff Omar dan bersama-sama Chin Peng. Tidak salah saya. Saya sangat berbangga dapat menghadiri majlis perasmian Mesyuarat Agung Persatuan Sejarah Malaysia pada hari ini bersama-sama dengan tokoh yang terkenal, tersohor di Malaysia ini.

Pada masa yang lalu seperti yang kita sedia maklum, perasmian mesyuarat Agung Persatuan Sejarah Malaysia ini adalah suatu majlis yang agak formal dan di peringkat kebangsaan ia melibatkan tokoh-tokoh negara samada ia raja pemerintah jika dibuat di negeri-negeri, YAB Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri atau menteri-menteri berkaitan dengan pendidikan atau pelacongan ataupun kebudayaan dan juga tokoh-tokoh seperti kita ada bekas gabenor arwah Tun Hamdan Sheikh Tahir. Kalau kita lihat dalam lembaran sejarah kita dapaiti juga penubuhan Persatuan Sejarah Malaysia kita ini telah dirasmikan oleh Tuan pesuruhjaya tinggi British ke Malaya. Pada yang sama itu iaitu Tun Sir Gerald Temper dengan dihadiri keberangkatan ke bawah duli yang maha mulia sultan-sultan dan raja-raja Melayu pada tahun 1953. Begitu la grandnyer ataupun tingginya kedudukan Persatuan Sejarah Malaysia kita ini pada masa itu dengan pakaian istiadat

Kenapa itu berlaku ialah kerana Persatuan Sejarah Malaysia ini pada waktu itu bukan sahaja diterajui oleh tokoh-tokoh utama penggerak bagi negara kita yang terkenal seperti Allahyarham Dato Mohd Bin Mat yang kemudiannya pernah menjadi menteri besar Pahang kemudian menjadi speaker pertama dewan rakyat selepas kemerdekaan kemudian diterajui oleh Tun Abdul Razak. 2 orang inilah antara lain yang menubuhkan Persatuan Sejarah Malaysia. Tidak asing juga bahawa penggerak Persatuan Sejarah di negeri-negeri adalah diberikan kepada setiausaha kerajaan. Ditekankan oleh kerajaan dan diberi kepada setiausaha kerajaan kerana setiausaha boleh bergabung tenaga kuat dari cendiakawan terutamanya daripada meraka

dalam perkhidmatan pelajaran. Merekalah penyokong kuat antara organizer dengan tenaga kerja bagi PSM peringkat negeri.

Sya adalah terangkum dalam ini Saya mula menjadi ahli Persatuan Sejarah di peringkat daerah apabila diminta oleh setiausaha masa itu di Selangor menubuhkan Persatuan Sejarah di daerah-daerah. Jadi sebagai pegawai daerah Kuala Kubu atau Hulu Selangor pada masa itu, saya telah menubuhkan Persatuan Sejarah Cawangan Kuala Kubu pada tahun 1973. Kemudian saya berpindah ke Pahang menjadi Timbalan Setiausaha Kerajaan. Pada masa itu, pengerusi-pengerusi Persatuan Sejarah antaranya arwah Tan Sri Wan Sidek sebagai setiausaha kerajaan. Kemudian setelah Tan Sri Wan Sidek beredar ke Kuala Lumpur, Peratuan Sejarah ini tidak dapat bergerak kerana setiausaha-setiausaha lain tidak begitu berminat. Maka mereka minta saya meneruskan dan itulah mulanya saya memegang jawatan sebagai pengerusi Persatuan Sejarah hingga hari ini mulai tahun 1978. Ramai kawan-kawan yang mana jikalau hadir ke mesyuarat persatuan Sejarah di sini masih ramai lagi kawan-kawan lama yang masih dedicated masih kekal pada hari ini.

Jadi, ahli kita memang tidak asing lagi tokoh-tokoh yang membuat sejarah. Umpamanya yang kita kenal punya yang ada pada hari ini profesor-profesor dan juga tokoh-tokoh seperti Tan Sri Mubin Shepperd yang sempat kita dahulu mensyuarat bersama beliau. Persatuan kita ini eksklusif, selectif tidak terbuka tetapi mereka yang berminat people who matter orang berminat walaupun terbuka sebaga daerah di negeri ianya tidak besar persatuan ini tetapi ianya merangkumi orang-orang yang academition terutamanya kepada pusat pengajian tinggi daripada kementerian pendidikan atau pelajaran

Keahlian tidaklah terbuka seperti mana saya katakan tadi tetapi people yang make things smooth. Jadi sepintas lalu walaupun kalian tidak begitu besar tetapi ianya terlihat begitu penting. Kenapa saya katakana sedemikian adalah kerana praktikalnya sejarah ini amat penting dalam hidup kita samada ia dalam pemerintahan mahupun dari segi jiwa dan budaya bangsa

Di negeri-negeri Persatuan Sejarah Malaysia juga menjadi anggota tetap dan penggerak utama kadangkala menubuhkan institusi-institusi tertentu. Daripada mula belum tertubuh sehingga tertubuhnya dan kekal menjadi ahli umpamanya lembaga muzium di negeri-negeri, perpustakaan negeri, majlis kebudayaan negeri. Jadi Persatuan Sejarah Malaysia biasa menjadi anggota tetap. Bukan saja anggota tetapi adalah nadi penggerak kepada muzium untuk mengenalpasti tempat-tempat bersejarah, artifak-artifak, terlibat dalam penerbitan. Jadi bukan saja sebagai ahli tapi memang terlibat secara aktif.

Sebab itu sebelum saya terlupa oleh kerana di negeri-negeri ini, biasanya raja-raja pemerintah dan putera-putera mahkota mereka adalah menjadi penaung kepada Persatuan Sejarah Malaysia di negeri-negeri. Tidaklah agaknya keterlaluan kalau kita cuba terutamanya ialah meningkatkan tahap Persatuan Sejarah kita ini kepada Royal Historical Society. Kenapa tidak kalau golf club boleh royal golf club yang orangnya sesiapaapun boleh masuk asalkan bayar tetapi the society of promenum people deserve dan penubuhannya kalau tahap penubuhannya oleh pesuruhjaya tinggi pada masa itu yang kalau hari ini Yang Dipertuan Agung yang dihadiri oleh

raja-raja melayu untuk penubuhan Persatuan Sejarah Malaysia dan tokoh-tokoh ialah prime minister dan sebagainya.

Mungkinlah untuk kesesuaiannya diambil satu tonggak yang tertinggi iaitu Duli yang maha mulia seri paduka baginda yang dipertuan Agung sebagai penaung diraja. Peranan sejarah banyak sekali kalau kita hendak huraikan umpamanya penentuan pewarisan dalam kalangan raja pemerintah sangat bergantung kepada sejarah. Cara penentuan protocol, susunan majlis, susunan kedudukan diplomat, susunan kedudukan di dalam majlis rasmi di peringkat nasional dan negeri, istiadat, hak pemastautin seseorang, kerakyatan sesuatu kelompok dalam negara, penentuan gelaran-gelaran, penakrafannya, cara-cara berpakaian, seni budaya, bahasa, tradisi-tradisi majlis tertentu, perlembagaan, perundangan, persempadanan negeri dan negara, kedaulatan dan perairan. Kalau hendak kita huraikan maka perkara ini sesuatu yang panjang. Kalau tidak cukup bukti sejarah, maka kita tidak dapat pertahankan sesuatu hujah umpamanya genologi, salah silah, hak-hak mewarisi tahta. Kalau tiada sejarah tentunya ramai sekali yang bersaing merebut tahta. Kalau kita tidak berhujah dari segi sejarah maka jadilah sekarang banyak yang claim menjadi raja, raja Melaka, raja itu dan ini.

Saya petik beberapa contoh dalam sesebuah negeri dimana di negeri itu dipertikaikan tentang siapa yang akan jadi raja kerana pada masa itu adik kepada raja kerana ketokohan dia telah diberi gelaran tertentu. Pada masa pelantikan waris ganti, maka adinda raja tersebut telah mengatakan saya yang berhak kerana saya diberi gelaran tertentu yang biasanya diberi kepada putera mahkota. Dua pertikaian berlaku, Pertama ialah tidak melantik waris ganti raja kerana raja masih ada kedua setelah kemangkatan raja pemerintah. Maka telah disemak sejarah bahawa oleh kerana umpamanya Pahang, Johor, Selangor dan Terengganu adalah waris kepada kerajaan Riau yang berpusat di Riau dan waris kepada kerajaan Melaka maka tradisinya sejarahnya mengatakan bahawa waris ganti hendaklah kepada putra laki-laki yang tertua. Oleh itu, inspektif tidak mengira apakah gelaran yang diberi kepada tokoh-tokoh atau waris yang terdekat. Tahta hendaklah jatuh kepada anak laki-laki yang tertua kepada raja yang sedang memerintah. Maka terbatallah 2 tuntutan itu. Jadi itu pentingnya sejarah. Kemudian semasa berkhidmat di kementerian dahulu, saya menjaga tanah-tanah persekutuan iaitu pesuruhjaya tanah persekutuan semasa di jalan Semarak. Kita terlibat dengan balleteral perhubungan antara dua negara berkenaan persepadanan iaitu berkaitan dengan sempadan Thai, sempadan Singapura, Brunai, Indonesia dan beberapa tempat seperti Sebatik sempadan Linggitan sebagainya dan Filipina juga berkaitan Sibu yang tidak habis – habis sampai sekarang masih lagi menganggap Sabah sebahagian daripada Filipina. Saya masih ingat pertikaian khususnya perkara ini sudah selesai berkenaan dengan Pulau Sipadan dan Linggitan. Takdirnya yang menyelamatkan kita adalah Allah s.w.t. Di ICJ perkara ini tidak dapat diselesaikan dan apabila pihak Indonesia telah membawa kapal perang mereka. Tapi takdirnya apabila kita bawa ke ICJ (bersetuju bawa ke ICJ) di London ada rekod di Pejabat Tanah bahawa Lesen Kutipan Telur Penyus telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Sabah pada masa itu, British North Borneo kepada orang yang mengutip telur penyus di Sipadan dan Linggitan. Atas kekuatan itu, maka dikatakan bahawa hujahnya ia telah tertakluk dalam pentadbiran kita. Maka kalahlah pihak negara jiran. Adapun satu lagi yang

perlu kita bongkar ialah Pulau Batu Putih. Kekalahan kita yang pertama adalah dokumen daripada Johor. Saya teringat satu lagi kes dimana kita agak risau berkaitan Pulau Pisang. Kerana Pulau Pisang itu terletak di seberang Pontian di dalam wilayah Malaysia dalam perairan kita. Sedangkan Singapura itu nun jauh dibawah. Berbalik kepada Pulau Pisang, Singapura tidak mahu berundur. Rupanya bila kita melihat agreement daripada Johor masa British dulu bahawa Singapura atau British Singapura diberi kuasa untuk duduk di Pulau Pisang selagi belum ada orang yang menuntut pulau tersebut. Jadi kuatlah kedudukan Singapura itu duduk di situ

Dalam kes Tun Sri Lanang, saya cuba sentuh bagaimana pentingnya sejarah. Bukan kes Tun Sri Lanang sahaja beberapa kali kita pergi ke Palembang, Riau Sulawesi. Mengikut orientalis kedatangan orang islam di Malaysia ini adalah melalui India. Tapi kalau kajian melalui dokumen-dokumen sejarah, sejarah Islam, mengapa orang Melayu tidak bercakap seperti orang India dalam agamanya. Tetapi orang Melayu lidah arabnya paling baik di dunia bahkan kalau tuan-tuan pergi ke Saudi lidah orang Melayu bercakap arab lebih hebat daripada arab. Jadi penerimaan Islam itu ialah terus daripada ulamak-ulamak. Antaranya adalah Singh telah ditakluki oleh Islam dalam abad ke 8. Kenapa saya berkata sedemikian pertama pasal lidah orang Melayu itu tadi bercakap arab. Yang keduanya kalau kita melalui India kita mazhab lain. Kita mazhab Assyafie sedangkan di India Hanafi. Kalau kata melalui India, India diperintah oleh raja Islam sehingga 1857. Mula-mula Abbasiyah, pergi kepada Tatar, Mogul kemudian Tugluk, Turki dan sebagainya. Kalau tengak trace daripada sahabat-sahabat daripada Abbas umpamanya raja-raja Melayu lain ini daripada keturunan Saddam Hussein dan Brunei itu banyak kepada Saidina Hassan. Jadi disitu adakah link dia kalau kita tengok ulamak dan juga pemerintah seperti ShahKuala, Daba'l, kerajaan Delhi kalau kita tengok sejarah Islam itu ada matching. Betul etnik tempatan tetapi cross breed dengan raja-raja, ulamak-ulamak dan pemerintah-pemerintah dari timur tengah. Ini berlaku kepada Brunei terutamanya. Brunei itu pada asalnya dia ada. Tetapi apabila Syariff Ali datang ke Brunei (Arab ini daripada Mekah) kawin dengan orang tempatan pemerintah Brunei. Begitu juga Aceh datang Raja Arab kawin dengan orang tempatan maka Arab itu yang memerintah begitu juga dengan negeri-negeri Melayu.

Jadi peranan Persatuan Sejarah Malaysia sebenarnya mengikut pengalaman kita, kita pergi ke Bukit Seguntang, bukit dia lebih kurang macam bukit Tugu saja tetapi sungai yang disebut sebagai Muara Tatang itu besar kapal masuk sampai ke hulu. Iaitu sungai yang dikenali sebagai Sg Musi. Orang Palembang sendiri tidak tahu bahawa itulah pusat kerajaan Melayu yang asal. Dan kita pergi ke Riau, mereka tiada buku sejarah berkenaan Riau. Pusatnya di Riau zaman sebelum Seri Utama dan setelah kejatuhan Melaka. Mereka tidak tahu, kenapa yang saya katakan tadi implikasi adalah sangat penting kita mengolah sejarah ini. Peranan sejarah ini amat penting. Kalau tidak betul tulisan sejarah maka kita boleh gunakan sebagai alat. Umpamanya di Indonesia, dia tidak perkenalkan sejarah tempatan kerana sejarah Indonesia, cerita nusantara, cerita sejarah Indonesia sama naik, lebih kepada sastera-sastera. Itu sebab membaca sastera cerita pasal Tun Raja. Kalau kita cerita sekarang apa pentingnya Tun Raja itu orang asli yang begitu besar commiteenya, penulisan Tun Raja. Padahal kita tidak membesarkan cerita-cerita Arenery, penulisan Shakola, Sheikh Abdul Rauf yang mula-mula membuat terjemahan Al-Quran, Tafsir

Betawi 1641. Saya bawa Tafsir Betawi kepada orang Aceh. Ini orang Aceh menulis. Kita pergi ke Aceh kita bercerita sejarah Aceh. Kita pergi ke Riau cerita pasal sejarah Riau. Jadi peranan kita juga membongkar sejarah mereka itu. Andainya cerita Tun Sri Lanang ini, kalau kita baca cerita sejarah Melayu atau Salatus Salatin dia tidak lebih mengatakan bahawa dia mempunyai anak-anak yang menjadi Datuk Bandar Aceh. Itulah tamatnya cerita Tun Sri Lanang. Pada suatu hari ada satu penulisan di Aceh. Tulisan itu innocent sahaja tidak ada kena mengena. Ianya peranan sesuatu tokoh iaitu Tengku Amir Azwan di dalam peperangan Revolution. Kemudian dia telah menerangkan bahawa dia adalah keturunan Tun Sri Lanang. Ayahnya berkata kamu cari keluarga kamu, waris kamu di Malaysia kerana di sini ditulis Tun Sri Lanang ini adalah dari Johor asalnya Johor Lama Batu Sawau dalam pemerintahan Sultan Allauddin Alam Shah. Jadi dia mencari betulkah di Malaysia ada keturunan Tun Sri Lanang. Jadi ade seorang kenalan memberitahu saya dia kata pernah saya ceritakan pada dia pasal Tun Sri Lanang ini. Dia pun datang sini mencari. Kita dapat bongkar dua sejarah iaitu Tun Sri Lanang tidak habis di sini sahaja tetapi 46 tahun lagi memerintah di Aceh iaitu di kawasan Sembalangan. Apakah kesannya buat seminar demi seminar. Saya pergi ke Indonesia 2 orang bawa bekalan-bekalan menumpang kapal navy. Saya sampai ke Aceh, ada kawan saya tunggu di sana Adli angkut barang-barang sendiri. Kalau kita tidak angkut barang sendiri kita akan pergi ke tempat tentera. Tetapi kita sampai di sana kita angkut barang sendiri, kita agih sendiri. Jadi dipendekkan cerita saya singgah di Sembalangan tunjukkan tempat kubur Tun Sri Lanang yang saya tidak pernah terbayang. Warisnya pun tidak pernah melihat. Makamnya Tun Sri Lanang itu serupa dengan makam-makam yang besar disini iaitu patern Lotus Flower. Kita telah melihat defikasi kemudian kita seminarkan bongkar sejarahnya 380 tahun tidak terbongkar dapatkan cop mohor daripada rekod-rekod kerajaan Aceh, artifak-artifak. Akhirnya apa yang berlaku selepas seminar demi seminar, tempat itu telah menjadi tempat pelancongan. Dahulunya dalam semak samun dan tempat tambat lembu dan kita sedikit sebanyak PSM adalah penggerakannya. Jadi pentingnya PSM ini bukan sahaja sejarah tempatan sejarah kita sendiri tetapi sejarah jiran-jiran kita juga kita yang menggerakkan ada peranan kita bersama.

Jadi secara umumnya sejarah adalah penting untuk mengenal diri dan jati diri bangsa dan maruahnya. Sejarah orang Melayu adalah penting untuk mempraktikkan serta membuktikan hak pemerintahan orang Melayu, agama dan bahasa di tanah air kita. Kalau sejarah tidak dapat membuktikan dan tidak dapat disedari maka mudahlah suatu bangsa itu dikotak-katikkan dari segi hak-hak watan dan asasinya sendiri. Sebagaimana kita melihat di negara-negara lain seperti di Rohinya, Bosnia dan lain-lain.

Jadi saya sekali lagi secara ringkasnya ingin memohon maaf jikalau terlanjur kata. Sebelum mengakhiri saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Persatuan Sejarah Malaysia Tan Sri Omar Hashim dan Dato Jumaat dan ahli-ahli majlis sekarang yang menjemput saya untuk memberikan sedikit ucapan dan merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Sejarah Malaysia

Akhir kata saya mengucapkan "Hiduplah Sejarah Untuk Kewibawaan Bangsa dan Negara"

Sekian. Wabillahitaufiqwalhidayah. Wassalamualaikum w.b.t